

**Festival Kebudayaan Borneo Pamer Semangat 1Malaysia Sebenar
Bernama
16 Julai, 2012**

SIBU, 16 Julai (Bernama) -- Acara pelancongan tahunan terbesar di kawasan tengah Sarawak, Festival Kebudayaan Borneo (BCF) yang diadakan pada setiap bulan Julai, dilihat sebagai acara yang mempamerkan semangat 1Malaysia yang sebenar.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Pembangunan Masyarakat negeri Datuk Sri Wong Soon Koh berkata ini kerana pada acara itu tiga kaum utama di negeri ini - Cina, Dayak (Iban/Orang Ulu) dan Melayu/Melanau - akan bersama-sama mempersembahkan kebudayaan dan adat resam masing-masing dalam suasana perpaduan, harmoni dan setiakawan.

"Tiada tempat lain di dunia seseorang boleh melihat begitu banyak aktiviti yang dilakukan oleh tiga kumpulan itu pada masa dan di tempat yang sama," katanya semasa menutup festival edisi 2012 itu di Dataran Bandar Sibu di sini malam semalam.

Wong berkata penganjur utamanya, Majlis Perbandaran Sibu perlu mengusahakan untuk mempromosikan acara itu di luar negara.

"Di peringkat dalam negara, ia sudah menjadi acara yang amat popular dan kira-kira 200,000 orang mengunjungi festival selama 10 hari ini.-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=680820>

